

# Kabinet bermaruah sandaran rakyat

Dr Mohd Izani  
Mohd Zain



Profesor Madya  
di Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Putra Malaysia  
(UPM)

**Selepas** pelantikan Perdana Menteri (PM), Tan Sri Muhyiddin Yassin, perhatian rakyat tertumpu kepada soal pembentukan Kabinet. Terlalu banyak teka-teki dan spekulasi siapakah bakal mengisi Jemaah Menteri dan apakah bentuk serta jumlah kementerian diperkenalkan?

Kini, semua persoalan dan spekulasi terjawab. PM mengumumkan pelantikan Jemaah Menteri baharu. Beberapa perkara menarik mengenai pengumuman itu.

Pertama, tiada pengumuman jawatan Timbalan Perdana Menteri (TPM). Ia tidak mengejutkan kerana jawatan nombor dua sebenarnya tiada dalam peruntukan Perlembagaan. Cuma dari segi amalan sebelum ini, ia diwujudkan bagi membantu tugas PM.

Barangkali, jawatan TPM tidak diwujudkan bagi mengurangkan politik kerana sesiapa memegang jawatan itu diandaikan atau

menjadi spekulasi bakal menggantikan PM.

Sudah tentu dalam situasi semasa, ia sangat tepat bagi Kabinet memberi fokus usaha membantu PM membangunkan negara merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) dan bukannya terheret dengan isu politik remeh yang akhirnya merugikan rakyat.

Meskipun tanpa TPM, PM dibantu empat menteri kanan menyelaraskan hal ehwal berkaitan ekonomi, keselamatan, pengangkutan infrastruktur serta pendidikan dan sosial. Dua daripadanya, perwakilan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), manakala UMNO dan Gabungan Parti Sarawak (GPS) masing-masing seorang wakil.

Kedua, Kabinet menggabungkan umara (pemimpin) dan ulama (ahli agama). Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri diberi kepercayaan dilantik ke jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Pelantikan ini sangat tepat kerana beliau dipandang tinggi masyarakat Islam dan bukan Islam kerana sikap keterbukaan. Semasa sambutan Tahun Baharu Cina, beliau sendiri menghantar buah limau ke rumah jirannya untuk membuktikan perbezaan agama bukan halangan untuk rakyat hidup bersatu-padu.

Paling penting, sebagai menteri menjaga hal ehwal agama, pastinya tugas beliau sangat berat, iaitu memelihara ketinggian Islam sebagai agama rasmi, selain keharmonian antara agama lain.

Penyertaan teknokrat atau profesional diambil kira dalam Kabinet kali apabila Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) CIMB, iaitu Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dilantik Menteri Kewangan. Dua profesional juga dilantik sebagai timbalan menteri.

Ketiga, Kabinet turut menyenaraikan semula Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Sebagai bekas Menteri Pendidikan, sudah tentu PM amat memahami cakupan sektor pendidikan sangat besar. Memecahkan semula Kementerian Pendidikan dan KPT akan dapat banyak membantu kerajaan menyelaraskan isu itu dengan lebih tersusun dan berfokus.

Kewujudan semula KPT sudah tentu menggembirakan banyak pihak, khususnya warga akademik di institusi pendidikan tinggi (IPT). Sebelum ini, banyak pihak menyarankan semula kewujudannya antaranya Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT).

Keempat, buat pertama kali selepas 42 tahun, PAS menyertai Kabinet khususnya bersama UMNO. Dalam Kabinet ini, PAS di-

berikan tiga jawatan menteri, iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Menteri Alam Sekitar dan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

Sudah tentu dengan jawatan menteri ini, PAS boleh membuktikan mereka bukan sekadar parti pak lebai, parti Pantai Timur dan pembangkang untuk selama-lamanya, tetapi parti nasional yang boleh disandarkan kepercayaan oleh rakyat untuk memerintah.

Kelima, Kabinet ini buat pertama kali tidak menyenaraikan dua pemimpin utama parti dalam Perikatan Nasional (PN). Seperti dijangka, nama Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi tidak disenaraikan kerana masih dalam perbicaraan kes di mahkamah.

Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang juga tidak tersenarai yang sudah dijangka berdasarkan kenyataannya baru-baru ini. Nama pemimpin UMNO yang disebut-sebut, iaitu Datuk Mohamad Hassan juga tidak disenaraikan.

Walaupun tanpa pemimpin utama parti politik (UMNO dan PAS), lebih penting Kabinet kali ini tetap diwakili semua parti politik di bawah kerjasama PN dan GPS. MIC meskipun berbekalkan satu kerusi parlimen tetap diberikan tempat sebagai Menteri Sumber

Manusia. UMNO yang parti politik terbesar dalam PN diberikan sembilan jawatan menteri, manakala BERSATU turut diberi jumlah sama.

Apa yang jelas, Kabinet ini dilihat sebagai tawaran baharu PM bukan sahaja untuk melunaskan tanggungjawab sedia ada, bahkan mengembalikan semula keyakinan rakyat. Ahli Jemaah Menteri diumumkan mempunyai amanah sangat besar.

Dari sudut politik, kekuatan Kabinet sangat bergantung kepada persefahaman dan permufakatan antara menteri pelbagai parti politik. Usia kerjasama politik terlalu muda boleh menjadi hambatan sekiranya kurang persefahaman dan tolak ansur. Perlu diingatkan, masa depan PN amat bergantung kepada keberkesanan Kabinet ini.

Akhir sekali, prinsip tanggungjawab bersama dalam Kabinet perlu ditekankan agar ahli Jemaah Menteri sentiasa bersepakat dan sependapat demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Selamat melaksanakan amanah wahai Pak Menteri. Pemilihan dan pelantikan anda mustahil diterima semua pihak. Namun, terimalah jawatan ini sebagai taklif atau tanggungjawab, bukannya tasrif (kedudukan gemerlapan). Jadilah kerajaan bermaruah sandaran rakyat.